



**MAJLIS PERBANDARAN KLUANG  
86000 KLUANG**

**IKLAN JAWATAN KOSONG**

Permohonan adalah dipelawa kepada Warganegara Malaysia khususnya kepada rakyat Negeri Johor yang berkelayakan dan berumur tidak kurang dari 18 tahun pada Tarikh tutup iklan untuk mengisi kekosongan **JAWATAN BERTARAF TETAP** berikut di Majlis Perbandaran Kluang

**A. NAMA JAWATAN**

BIL	JAWATAN	GRED	KUMPULAN PERKHIDMATAN	KLASIFIKASI PERKHIDMATAN	KEKOSONGAN	TARAF
1.	Pegawai Penguatkuasa	KP41	Pengurusan dan Profesional	Keselamatan Dan Pertahanan Awam	1	Tetap

**B. SYARAT-SYARAT LANTIKAN DAN KELULUSAN**

**JAWATAN : PEGAWAI PENGUATKUASA GRED KP41**

**SYARAT LANTIKAN :**

1. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:
  - (a) warganegara Malaysia;
  - (b) berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan; dan
  - (c)
    - (i) Ijazah sarjana muda yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institut pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.  
(Gaji permulaan ialah pada Gred KP41: RM2,081.00); atau
    - (ii) bekas anggota polis atau tentera yang sekurang-kurangnya berpangkat Inspektor Polis dan Leftenan Muda atau yang setaraf dengannya dan telah disahkan dalam jawatan tersebut serta mempunyai rekod perkhidmatan yang baik.  
(Gaji permulaan ialah pada Gred KP41: RM2,081.00); atau
    - (iii) Ijazah sarjana muda kepujian yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.  
(Gaji permulaan ialah pada Gred KP41: RM 2,285.00); atau
    - (iv) Ijazah Sarjana Muda Undang-undang yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.  
(Gaji permulaan ialah pada Gred KP41: RM2,387.21). dan

- (d) mempunyai syarat-syarat ukuran fizikal dan pancaindera seperti yang berikut:
- i. tinggi sekurang-kurangnya 1.57m bagi lelaki dan 1.53m bagi wanita tanpa bersepatu;
  - ii. berat badan sekurang-kurangnya 48 kg bagi lelaki dan 46kg bagi wanita;
  - iii. mempunyai ukuran Indeks Jisim Badan (BMI) di antara julat 19 hingga 26;
  - iv. mempunyai sekurang-kurangnya 81sm ukuran dada yang biasa dan 86sm semasa menarik nafas (lelaki sahaja);
  - v. lulus ujian penglihatan bagi mata kiri dan kanan dengan ketetapan V6/9 tanpa menggunakan cermin mata;
  - vi. pengecaman warna dan pendengaran yang tidak cacat; dan
  - vii. diperiksa dan diperakui sihat untuk berkhidmat oleh pengamal perubatan berdaftar.

### **SYARAT KELAYAKAN BAHASA MELAYU**

2. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/ Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan

### **SYARAT TAMBAHAN**

3. Calon hendaklah memiliki lesen memandu Kelas B2/D yang dikeluarkan oleh Jabatan Pengangkutan Jalan

### **SYARAT PENINGKATAN SECARA LANTIKAN**

4. Pegawai sedang berkhidmat dalam perkhidmatan Penolong Pegawai Penguin Kuasa adalah layak dipertimbangkan oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan untuk Peningkatan Secara Lantikan ke jawatan Pegawai Penguin Kuasa Gred KP41, tertakluk kepada kekosongan jawatan, apabila telah disahkan dalam perkhidmatan dan:
- (a) mempunyai kelayakan di perenggan 1(c); atau lulus Peperiksaan Khas; dan
  - (b) had umur pelantikan:
    - i. berumur kurang dari 54 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang umur persaraan paksa 55 atau 56 tahun; atau
    - ii. berumur kurang dari 56 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang umur persaraan paksa 58 tahun; atau
    - iii. berumur kurang dari 58 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang umur persaraan paksa 60 tahun.

### **C. PENAKLUKAN DI BAWAH SYARAT-SYARAT SKIM PERKHIDMATAN**

Pegawai-pegawai yang memasuki perkhidmatan ini adalah tertakluk kepada syarat-syarat skim perkhidmatan yang berkenaan yang berkuatkuasa serta pindaan-pindaan yang dibuat ke atasnya dari semasa ke semasa.

## D. PERMOHONAN

Permohonan hendaklah SECARA ONLINE DI LAMAN WEB MAJLIS PERBANDARAN KLUANG [http://esistem.mpkluang.gov.my/eJOB\\_MPKLUANG](http://esistem.mpkluang.gov.my/eJOB_MPKLUANG)

TARIKH TUTUP PERMOHONAN : 02 APRIL 2024

## E. PERHATIAN KEPADA PEMOHON

- a) Permohonan dari mereka yang sedang berkhidmat dalam Perkhidmatan Awam, Badan-badan berkanun atau Pihak Berkuasa Tempatan mestilah melalui Ketua Jabatan masing-masing mengikut Perintah Am 17 Bab A 2005 dan hendaklah disertakan Salinan Penyata Rekod Perkhidmatan yang dikemaskini serta Laporan Nilaian Prestasi Tahunan terkini;
- b) Permohonan bagi Gred 29 dan ke atas hendaklah disertakan dengan ‘video resume’ sebagaimana berikut:
  - i. Berdurasi tidak lebih 3 minit
  - ii. Menggunakan suara pemohon sebenar
  - iii. Kandungan video hendaklah merangkumi perkara-perkara seperti di bawah:
    - Ringkasan Latarbelakang keluarga pemohon
    - Ringkasan Latarbelakang Pendidikan pemohon
    - Ringkasan pengalaman kerja pemohon
    - Pekerja/aktiviti terakhir atau semasa pemohon
    - Ringkasan pencapaian/anugerah tertinggi pemohon
    - Ringkasan dan hobi kegaitan luar pemohon
    - Ringkasan penglibatan pemohon di dalam masyarakat atau ‘NGO’
    - Ringkasan kelebihan/kesesuaian pemohon dengan jawatan yang dipohon
    - Ringkasan matlamat dan perancangan masa depan pemohon
    - Ringkasan kelemahan/kekurangan pemohon
  - iv. Pemohon digalakkan menghasilkan video resume yang unik dan kreatif dan hendaklah dihantar melalui email kepada uru setia di alamat [hrmpkluang@gmail.gov.my](mailto:hrmpkluang@gmail.gov.my). Sila pastikan setiap video yang dihantar mempunyai nama pemohon/no. K/P dan jawatan dipohon (rename).
- c) Pemohon perlu mematuhi syarat kelayakan yang telah dinyatakan di iklan dan muat turun gambar serta dokumen-dokumen yang diperlukan. **Pemohon yang tidak mematuhi syarat yang ditetapkan atau tidak lengkap akan DITOLAK.**
- d) Hanya calon-calon yang melepassi syarat-syarat dan kelayakan semua di atas layak dipertimbangkan untuk ke tapisan ujian kecergasan.
- e) Hanya calon-calon yang ditapis dan didapati sesuai sahaja akan dihubungi untuk temuduga. Permohonan yang tidak menerima sebarang jawapan selepas enam (6) bulan dari Tarikh tutup iklan dianggap sebagai **TIDAK BERJAYA**.

Yang Dipertua  
Majlis Perbandaran Kluang  
86000 Kluang